

## Pantun lucah: Pak Leh puji polis Kuantan

KOTA BHARU 5 Okt. — Pantun-pantun dikir barat yang hendak dipasarkan melalui cartridge dan keset di negara ini hendaklah di-tapis dengan teliti bagi mengelakkan kata-kata lucah, mencarut dengan pantun-pantun berunsur seks.

Seorang pengasas pantun-pantun dikir barat Kelantan yang ulung, Haji Salleh bin Haji Ahmad, 60 tahun, lebih dikenali dengan gelaran Pak Leh berkata, "sebagai pengasas pantun-pantun karut, saya turut merasa kesal dan dukacita di atas sikap beberapa orang tukang karut yang tidak bertanggungjawab."

Katanya, ada pihak-pihak yang mengeluarkan pantun-pantun bercorak kotor dan tidak bersopan di tengah-tengah khalayak ramai melalui keset dan cartridge.

Haji Salleh berkata demikian ketika mengulas kenyataan polis Kuantan yang sedang menyasat aduan orang-orang di bandar ini berhubung dengan penjualan secara berleluasa cartridge dan keset-keset dikir barat yang banyak menonjolkan pantun-pantun berunsur seks yang tersiar di kumpulan Akhbar Utusan Sabtu lalu.

Sambil memuji langkah itu, Haji Salleh yang datang sendiri ke Pejabat Utusan di sini berkata, tindakan pihak berkuasa di Kuantan itu seharusnya dipuji dan diikuti oleh negeri-negeri lain supaya dapat mengatasi pantun-pantun seumpama itu terus merebak dengan berleluasa di kalangan muda mudi di negara ini.

## FELCRA cadang majukan 300 ekar tanah dekat Machang

MACHANG 5 Okt. — FELCRA bercadang akan memajukan tanah seluas 300 ekar yang akan melibatkan kos pembangunan sejumlah \$428,645 di Mukim Raja, Kampung Pek, 4 batu dari sini tidak lama lagi.

Ketua Pengarah FELCRA, Encik A. H. Kamaruzaman berkata, pelaksanaan rancangan pembangunan kampung tersebut bergantung kepada persetujuan pemilik tanah menyerahkan

**\$3 ribu untuk bangunan tambahan masjid**

MACHANG 5 Okt. — Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Nasir telah meluluskan bantuan sejumlah \$3,000 bagi membina bangunan tambahan masjid Kampung Paloh Rawa, 7 batu dari sini baru-baru ini.

Ketika melawat masjid itu, beliau telah mendengar rayuan dari imam masjid tersebut, Encik Ibrahim Ali, tentang kesulitan jawatankuasa masjid itu untuk mencari wang bagi membina bangunan tambahan.

Encik Ibrahim menyatakan pihaknya terutang budi atas keikhlasan Datuk Mohamad Nasir kerana mengeluarkan bantuan bagi pembangunan agama itu.

Tambahan, bangunan masjid itu telah didirikan 10 tahun yang lalu tetapi tidak dapat disiapkan dengan sempurna untuk keperluan umat Islam di situ beribadat.

Beliau juga memuji semangat serta keikhlasan penduduk Kampung Paloh Rawa itu kerana telah berusaha dengan sungguh-sungguh membina masjid itu secara bergotong-royong.

tanah-tanah mereka untuk dimajukan oleh FELCRA.

Katanya, melalui penyusunan semula kampung-kampung tradisional ini maka akan lahir unit-unit yang lebih besar bagi satu-satu kegiatan pertanian.

Tambahnya, mengikut rancangan itu akan terdapat sebuah ladang getah seluas 150 ekar, satu kawasan tanaman konter seluas 85 ekar, sebuah dusun seluas 50 ekar dan kampung ternakan seluas 15 ekar.

Encik A. H. Kamaruzaman berkata, demikian ketika berucap dalam perjumpaan penerangan kepada penduduk Mukim Raja, di Sekolah Menengah Kampung Pek, petang kelmarin.

Turut hadir ialah Pegawai Jajahan Machang, Encik Nik Yusof Nik Ali, pegawai dari Bank Dunia dan Ketua Pegawai MARDI, Dr. Hashim Wahab.

Beliau menggesa penduduk Kampung Mukim Raja supaya berfikir dalam masa dua bulan dari sekarang untuk menyerahkan tanah-tanah mereka kepada FELCRA bagi tujuan tersebut.

"Rancangan yang sama akan juga dijalankan oleh FELCRA di kawasan Telusan dekat Pasir Puteh", jelasnya.

Katanya, FELCRA, telah memajukan tanah seluas 450 ekar dengan tanaman getah di Kampung Perangan Mek Nab tidak jauh dari sini yang akan menempatkan seramai 75 orang peserta.

Beliau yakin projek pembangunan kampung kedua di Mukim Raja itu akan mendapat kejayaan yang besar dan memberi kehidupan baru yang lebih lumayan di rancangan tanah yang akan dimajukan oleh FELCRA itu.



INILAH di antara kedai-kedai yang termasuk dalam kawasan tanah angkatan tentera di Wardieburn Kem yang diberi notis pindah dari kawasan tersebut.

## Keluarga angkat RISDA eratkan hubungan

BANDAR BHARU (Kedah) 5 Okt. — Projek khidmat keluarga angkat yang dilancarkan oleh RISDA akan dapat mengeratkan hubungan serta melahirkan golongan masyarakat pekebun-pekebun kecil yang dinamis dan progresif.

Pegawai RISDA Negeri Kedah/Perlis, Nik Hassan bin Nik Sulaiman menyatakan demikian dalam buku "Projek Khidmat Keluarga Angkat" yang diadakan di Kampung Tengah, Relau, di sini.

Seramai 25 orang pekebun kecil dari Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang mengambil bahagian dalam projek itu yang diadakan selama tiga hari, mulai dari kelmarin.

Nik Hassan menerangkan, projek keluarga angkat merupakan salah satu aktiviti RISDA, di mana ia dapat mewujudkan semangat penglibatan dan persaudaraan sesama pekebun kecil di negeri ini.

### Maju

Beliau juga berharap, semasa rancangan itu berjalan, peserta-peserta akan mempelajari sesuatu yang boleh mendedahkan kebaikan bagi menambah pengetahuan dan pengalaman dengan bertukar pendapat antara satu dengan lain.

Sementara itu, Penolong Pegawai RISDA, Negeri Wilayah Kedah Selatan, Encik Su Kian Eng ketika berucap di upacara pelancaran projek itu di Balai Raya Pekan Relau menyatakan:

"Projek keluarga angkat adalah salah satu dari usaha RISDA untuk melahirkan pemimpin pekebun-pekebun kecil yang maju dan dinamis."

Beliau yang berucap mewakili pegawai RISDA Negeri Kelantan, melalui projek ini, para peserta akan dapat mendengar ceramah dan latihan amali supaya pekebun-pekebun kecil akan menguatkan azam untuk maju.

Encik Su menegaskan, aktiviti RISDA bukan setakat menanamkan semangat, malahan ia meliputi lain-lain aspek dalam kehidupan seperti kesihatan dan lain-lain.

### Sultan Pahang ke Bentong

BENTONG 5 Okt. — Sultan dan Tengku Ampuan Pahang akan membuat lawatan rasmi ke daerah ini selama lima hari mulai 7 Oktober ini, demikian diberitahu oleh Pengerusi Jawatankuasa Sambutan, Haji Wan Endut Wan Mahmood hari ini.

Menurut Haji Wan Endut, acara-acara lawatan baginda berdua telahpun siap diatur, dan di dalam rangka lawatan itu, baginda berdua akan diberi taklimat pembangunan dan keselamatan di bilik gerakan daerah oleh Pegawai Daerah Bentong.

# Peniaga2 diberi tempoh hingga akhir tahun ini


## Tuan punya 12 kedai dan 4 gerai di Jalan Genting Kelang diberi notis pindah

OLEH RAZAK HUSSEIN

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Dua belas buah kedai dan empat gerai diberi tempoh hingga ke akhir tahun ini untuk berpindah dari berniaga dan menduduki tanah angkatan tentera Lot P.T. No. 163, Batu 4½, Jalan Genting Kelang, Setapak.

Kedai-kedai tersebut didapati didirikan dalam kawasan tanah angkatan tentera di Wadieburn Kem, Setapak dan pihak-pihak berkenaan telah mengeluarkan surat notis pindah dari kawasan tersebut.

Pihak berkuasa kem tersebut memberitahu, peniaga-peniaga yang terlibat itu dikehendaki berpindah kerana kawasan kem itu akan di pagar seluruhnya. Kerja-kerja memasang tiang-tiang pagar mulai dilakukan sekarang.



## Pegawai2 pertanian diseru gandakan usaha masing2

KOTA BHARU 5 Okt. — Menteri Pertanian, Datuk Ali Haji Ahmad menyeru pegawai-pegawai pertanian di negeri ini untuk meneruskan usaha meningkatkan taraf hidup kaum tani yang agak ketinggalan, katanya.

Beliau berharap pegawai-pegawai pakarpakar tertentu yang terlibat dalam memajukan usaha pertanian ini membelanjakan segala peruntukan yang disediakan itu mengikut jadual bagi menjamin kejayaan sepenuhnya.

Datuk Ali menegaskan pegawai-pegawai pertanian hendaklah menyelaraskan kerja-kerja pelaksanaan dalam berbagai bidang pertanian dengan pegawai-pegawai yang berkenaan termasuk di Jabatan Parit dan Tali Air supaya mereka dapat memainkan peranan memajukan sektor pertanian.

Katanya, petani-petani hendaklah sama-sama memainkan peranan untuk sama-sama mengikut nasihat-nasihat yang diberikan oleh pegawai-pegawai berkenaan yang sentiasa berhubung rapat demi memajukan bidang pertanian di negeri ini.

Beliau mengemukakan pandangan yang baik.

Datuk Ali berkata demikian di majlis makan malam meraihnya di sebuah hotel di sini malam semalam.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pertanian Datuk Mustaffa Jabar, pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Encik Mohamad Zain Abdullah, ahli Exco Negeri, Encik Hussain Ahmad dan wakil Parlimen Tumpat, Tengku Noor Asiah.

Menteri Pertanian menegaskan peruntukan yang disediakan bagi kementerianannya dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah bertambah 200 peratus jika dibandingkan dengan peruntukan di bawah Ran-

masa ini Kelantan menampung antara 10 hingga 15 peratus sahaja dari keperluan beras negara dan masa akan tiba nanti apabila angka ini akan lebih tinggi lagi dengan adanya usaha-usaha gijih daripada petani dan semua pegawai serta kakitangan kerajaan.

Sebelum projek Kemubu dilaksanakan hitung panjang hasil padi adalah kira-kira 200 gantang lebih sahaja pada seekor semusim.

## 800 pelajar agama T'ganu ambil peperiksaan SRP

KUALA TRENGGANU 5 Okt. — Seramai 800 orang penuntut dari Sekolah Menengah Agama Tok Jiring telah diserapkan ke bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sementara itu, seramai 326 orang penuntut dari Sekolah Menengah Atas Agama Sultan Zainal Abidin akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam bulan November depan.

Jumlah tersebut adalah sama dengan jumlah penuntut yang mengambil peperiksaan yang serupa tahun lalu.

## TEKA SEPAKBOLA

HADIAH \$500



CARA MENGHANTAR

Pada tiap-tiap hari selama 7 hari berturut-turut Minggu Malaysia dan Utusan Malaysia menyiarkan satu peredaran Meneka Sepakbola Tiap-tiap hari disiarkan sebahagian daripada sebuah gambar perlawanan sepakbola yang ditidakan bolanya.

Potong dan kumpulkan bahagian gambar ini hingga 7 keping dan jadikan sebuah gambar yang lengkap dan sempurna kemudian guna kan kecekapan anda supaya dapat mem-buhkan satu tanda pangkah pada tempat yang ditunjukkan menasabah terletaknya bola wana ditekannya.

HADIAH MENINGKAT \$1,600



## SYARAT-SYARAT

- Peraduan Meneka Bolasepak "RK" akan diakhimkan oleh lembaga pengadil yang berpandukan gambar asal yang sama tersimpan dalam syarikat ini.
- Hadiah sebanyak \$500 akan diberi kepada peneka yang telah menghantar tujuh keping yang meneka tepat atas gambar itu.
- Sekiranya dalam satu-satu peraduan tidak terdapat peneka yang tepat seperti gambar asal maka peneka yang hampir tepat akan diberi hadiah hanya \$200 sahaja. Jika bilangan peneka itu lebih dari seorang maka hadiah tersebut akan diberikan sama banyak. Baki-nya \$300 lagi itu akan dimasukkan ke dalam sebuah tabung hadiah yang akan digunakan pula untuk peraduan yang berikutnya.
- Sekiranya terdapat lebih dari seorang peneka yang meneka dengan tepat maka dengan terdapat seperti yang diperlukan oleh syarikat Meneka Bolasepak ini.
- Peneka-peneka boleh menghantar sebarang banyak tekaan yang dikehendakinya.
- Hanya satu tanda pangkah sahaja yang dikehendaki di dalam bahagian-bahagian yang lengkap itu. Jika lebih dari satu tanda pangkah tekaan tersebut dibatalkan.
- Kami tidak bertanggungjawab sekiranya tekaan yang dihantar itu hilang, rosak atau terlambat sampai. Sebarang surat menuntut tuntutan tidak dilayani.
- Tekaan-tekaan yang dikirinkan melalui pos tidak boleh dijadikan bukti sebarang penerimaan.
- Semua borang peraduan ditulis dengan dakwat dan dipotong atau dituliskan dibetulkan atau sebagainya tidak akan diterima.
- Kakitangan Syarikat Percetakan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad dan ahli-ahli keluarga mereka tidak dibenarkan menyertai Peraduan Meneka Bolasepak ini.
- Keputusan lembaga pengadil ke atas borang tekaan yang dihantar itu dan lain-lain yang berhubung dengan peraduan ini adalah muktamad.

## Apa anda mesti buat

- Semua borang tekaan anda hendaklah dikumpulkan hingga sampai hari Ahad kemudian disusun dan ditampal sehingga jadi sekeping gambar yang lengkap. Lepas itu setelah dipangkah hendaklah dihantar bersama dengan kupon yang disediakan kepada Teka Bolasepak "JK", Peti Surat 6118, Kuala Lumpur, 07-04.
- Tekaan ini mestilah sampai di Pejabat Syarikat Utusan Melayu pada hari Khamis 13.10.77 tidak lewat pada pukul 3.00 petang.
- Keputusan Peraduan Teka Bolasepak ini akan disiarkan dalam Utusan Malaysia keluaran hari Isnin bersama-sama dengan gambar asal yang sekali yang menunjukkan di mana letaknya bola yang sebenarnya.

## kursus AGAMA UTUSAN

# MASALAH AIR UNTUK MANDI WAJIB

FIKAH (Siri 53)

KITA telah belajar mengenai mandi-mandi wajib dan sunat dalam beberapa kursus yang lalu.

Oleh kerana mandi itu memerlukan air, maka tentu baik bagi kita mempelajari serba sedikit mengenai hal ini.

Para ulamak Islam pada umumnya tidak menentukan sebanyak mana air yang boleh digunakan atau yang cukup digunakan untuk mandi wajib itu. Ini terasah kepada kebijaksanaan seseorang menentukan jumlah penggunaan air berdasarkan keadaan persekalian air yang ada.

Bagi orang-orang yang tinggal di negeri yang tidak selalu mengalami kesulitan air seperti negeri kita, masalah jumlah air ini tidaklah begitu penting dipersoalkan sangat, kerana kita boleh mendapat air yang banyak.

Bagaimanapun negeri kita ipun pernah mengalami kemarau panjang dan air terpaksa dicatu. Dan di setengah-setengah negara lain ada orang-orang yang mengalami kesukaran air sepanjang masa. Oleh itu perlu kita ketahui mengenai sukatan air paling sedikit untuk mandi junub.

Ulamak-ulamak pengikut Imam Syafie, berpendapat memboroskan air untuk mandi hukumnya makruh, malah ada yang menyatakan haram.

### PANDUAN

Panduan untuk menentukan sukatan air yang disukai untuk mandi wajib ialah riwayat Hadis dari Aisyah, isteri Nabi sendiri, seperti yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim: "Adalah saya mandi

bersama-sama Nabi s. a. w. dari satu bejana iaitu dari satu tempayan yang dikenali dengan nama Al Faraq."

Antara para ulamak ada yang menyatakan bahawa faraq ialah sebuah tempayan yang boleh memuat air sebanyak 16 litre, dan sebahagian yang lain, yang juga ahli bahasa sepakat mengatakan bahawa satu faraq ialah 3 gantang.

### TUNJUK CARA

Satu lagi panduan ialah riwayat Hadis dari Abu Salamah ibn

**PEMBETULAN**  
DALAM kursus Fikah Siri 52 yang terlaris Selasa kelmarin terdapat sedikit kelesapan cetak yang perlu dibetulkan, demi kepentingan ilmu.

Untuk perenggan enam, penyusun telah menyalinnya dengan perkataan radzillahub'anha, tetapi pihak pencetak telah mem-buatkannya menjadi radzillahub'anhui. Ini adalah salah. Radzillahub'anhui maknanya: diredzal Allahlah [lelaki] manakala radzillahub'anha: diredzal Allahlah dia [perempuan]. Dalam perenggan enam itu ialah untuk Asma' binti Abu Bakar [perempuan, jadi: Radzillahub'anha. Harap maklum dan hendaknya perbezaan ini sentiasa diingat.

Juga diperingatkan supaya para pembaca memotong kursus ini dan memeliharaannya baik-baik untuk menghormati kesucian agama.

Terima kasih-Penyusun [Basir Bajuri].

Abdullah radzillahub'anhui yang juga diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim:

"Saya masuk ke rumah Aisyah bersama-sama seorang saudaranya itu bertanya kepada Aisyah mengenai cara Nabi s. a. w. mandi. Maka Aisyah minta dibawakan kepadanya satu bejana air yang boleh muntir kira-kira segantang air. Kemudian beliau mandi dan menuangkan air ke atas kepalanya. Antaranya dengan kami ada hijab (pendinging)".

Bejana air yang disebutkan dalam Hadis ini dipanggil Sa' (ساع) iaitu gantang yang menurut ulamak Hanafiah ialah lapan rithil (kati).

### BERWUDZU'

Satu lagi keterangan, yang meliputi mengenai wudzu', juga ialah riwayat dari Anas Ibn Malik (sahabat Nabi), seperti yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, maksudnya:

"Bawah Nabi s. a. w. membasuh atau bahawa Nabi s. a. w. mandi dengan segantang air hingga lima mudd air. Dan baginda berwudzu' dengan satu mudd air".

Dalam riwayat ini terdapat sukatan yang disebut mudd. Menurut ulamak, satu mudd adalah seperempat sa' (gantang).

Itulah riwayat Hadis yang menjadi pegangan atau panduan tentang banyaknya air yang disukai untuk mandi junub. Dan dalam kursus yang akan datang maksud Hadis-Hadis tersebut akan diuraikan, Insya'Allah.